

# Dua tukang cuci mengaku tidak bersalah noda remaja

**Kota Bharu:** Dua tukang cuci mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol seorang remaja perempuan pada Julai tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Khairul Arif Md Rodzi dan Muhammad Mustaqim Nazri, masing-masing berusia 18 tahun yang didakwa secara berasingan membuat pengakuan berkeenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan,

mereka didakwa merogol seorang remaja perempuan yang ketika itu berusia 13 tahun di sebuah garaj di Jalan Merbau di sini, jam 11 malam hingga 5 pagi pada 28 hingga 29 Julai 2021.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Nurul Hanini Wan Ahmad Shukry manakala ke-

dua-dua tertuduh diwakili peguam Nor Alini Ahmad Jamil dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Wan Nurul Hanini memohon tiada jaminan ditawarkan memandangkan tertuduh melakukan kesalahan serius manakala Nor Alini memohon ikat jamin diberikan kerana kedua-dua tertuduh membantu keluarga dalam mencari pendapatan.

Mahkamah tidak menawarkan jaminan dan menetapkan 20 Julai sebagai tarikh sebutan semula kes.



ANGGOTA polis mengiringi Muhammad Khairul Arif dan Muhammad Mustaqim di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR